

DR. M OPTIMIS CARA MAJORITI TERBESAR

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional akan menubuhkan kerajaan dengan majoriti terbesar selepas pilihanraya umum ini.

Perdana Menteri menegaskan, Barisan Nasional optimis akan memenangi kesemua kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen yang dipertandingkan sekarang ini.

"Barisan Nasional bertanding untuk kerusi-kerusi berkenaan kerana rasa yakin akan menang, tidak seperti parti PAS bertanding kerana ada penyokong di kawasan itu."

"Kalaupun PAS mempunyai dua tiga orang penyokong di sesuatu kawasan tersebut, mereka akan bertanding, bukan untuk apa... hendak mengacau sahaja," ujar beliau.

Berlandaskan kepada hakikat ini, kata Pengerusi Barisan Nasional itu, partinya akan dapat memenangi kerusi Dewan Negeri dan Parlimen yang pernah dipegang oleh DAP dan PAS.

Dalam pilihanraya lalu, DAP memenangi 15 kerusi Parlimen, dan PAS lima kerusi.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menegaskan, pendudukan BN terhadap kerjasama PAS-DAP bukan disebabkan BN bimbang terhadap mereka itu tetapi mahu

Oleh **JAMALUDDIN ABU BAKAR,**
BUSTAMAM AHMAD dan
AHMAD FUAD ONAH

membongkarkan kepada umat Islam di negara ini bahawa PAS berpura-pura dalam perjuangan.

"Di satu pihak, PAS menuduh mereka yang bekerjasama dengan orang kafir itu tidak baik, tetapi ia mengadakan pakatan sulit untuk mengelirukan umat Islam."

"Kalau hendak mengadakan kerjasama, bualah secara terbuka dan biarlah rakyat memutuskan melalui proses demokrasi," ujarnya.

Berpura-pura

Menjawab satu soalan beliau berkata, BN bagaimanapun akan meneruskan pemerintahan jika parti tersebut kehilangan beberapa kerusi yang dipegangnya sekarang.

"Hilang beberapa kerusi itu tidak menjatuhkan langsung kedudukan BN untuk terus memimpin rakyat negara ini," tegas beliau. "Ia tidak sedikit pun melemahkan pentadbiran kerajaan kerana masih memegang majoriti lagi," tambah beliau.

Tetapi, tegas beliau: "Berlandaskan dari pengalaman yang dibuat, BN akan memenangi lebih banyak kerusi dari yang diperolehi dalam tahun 1978."

Mengenai kedudukan BN di Kedah, Kelantan, Perlis dan Trengganu, pemimpin UMNO itu menegaskan, PAS tidak akan dapat berkuasa di negeri-negeri berkenaan.

"PAS akan kehilangan kesemua kerusi yang dipertandingkan itu memandangkan pengaruh BN terus meningkat dari hari ke sehari," tegas beliau.

Mengenai DAP, Perdana Menteri menjelaskan, kedudukan DAP di Seremban sudah hilang sekarang kerana Presiden MCA, Datuk Lee San Choon dapat memberi tentangan hebat kepada parti tersebut.

"Saya yakin pengaruh DAP di Seremban kini dan juga di tempat-tempat lain bertambah lemah," ujar beliau.

Pengerusi Barisan Nasional itu menyatakan, keputusan Datuk Lee untuk bertanding adalah keputusannya sendiri.

"Saya menyuruh beliau bertanding di tempat yang selamat tetapi menurut beliau, 'Seremban merupakan yang paling selamat untuknya,' tambah Datuk Seri Dr. Mahathir.

Beliau meramalkan BN akan memenangi kerusi Seremban memandangkan kesungguhan Datuk Lee untuk merampas kerusi kubu kuat DAP tersebut.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia